


Jilid II
Bil. 40



Hari Jumaat
29hb Oktober, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4277]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4304]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., J.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jejebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMED SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S., (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA DEWAN RAKYAT

Jumaat, 29hb Oktober, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.45 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

3.45 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1977 dan bagi menguntukkan jumlah wang itu dan yang lain-lain sebagaimana yang telah dibenar supaya dikeluarkan untuk perkhidmatan itu," dibacakan pada kali yang kedua sekarang.

Sungguhpun ucapan ini adalah ucapan Belanjawan saya yang pertama kalinya, saya membentangkannya dengan keyakinan kerana saya dapat bersandar kepada kecekapan dan kematangan Menteri-menteri Kewangan yang terdahulu dari saya, iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dan Yang Amat Berhormat Tun Tan Siew Sin, oleh kerana merekalah yang telah membentuk asas ekonomi dan kewangan yang kukuh lagi subur.

Saya juga terhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang telah mentakrifkan Belanjawan sebagai "Rancangan Ekonomi Tahunan yang akan memainkan peranan yang dinamis secara menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembahagian pendapatan di dalam keadaan kewangan yang stabil."

Sebagai sebuah Rancangan Ekonomi Tahunan, Belanjawan ini adalah bertujuan menghasilkan matlamat-matlamat sosial dan

ekonomi negara seperti yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam Rancangan Jangka Panjang 1970-1990. Demi mencapai tujuan ini, Belanjawan atau Rancangan Ekonomi Tahunan akan dilaksanakan dengan cara yang bersesuaian dengan keadaan dan secara yang sehabis-habis berkesan, iaitu dengan cara yang "flexible" dan "pragmatic". Oleh yang demikian, langkah-langkah kewangan dan Belanjawan tidak semestinya dikemukakan pada Belanjawan Tahunan sahaja. Langkah-langkah ini akan menjadi lebih berkesan kalau dianjurkan sebagai tindakan untuk menghadapi keadaan-keadaan yang berbangkit dari perkembangan ekonomi dan kewangan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi atau keupayaan dan pencapaian ekonomi dan kewangan negara pada tahun 1976 dan jangkaan kemajuan atau prospek ekonomi bagi tahun 1977 terkandung dengan padatnya dalam Lapuran Ekonomi yang dibentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Lapuran Ekonomi ini adalah lampiran yang mustahak untuk menjelaskan Ucapan Belanjawan saya dengan lebih sempurna. Oleh yang demikian, saya akan menyampaikan Ucapan Belanjawan ini dengan ringkas sahaja dan menumpukan perhatian hanya kepada perkembangan-perkembangan yang penting. Saya juga akan menitikberatkan atas keupayaan dan jangkaan kemajuan atau prospek ekonomi dan belanjawan negara, serta menerangkan cadangan-cadangan dan perubahan-perubahan mengenai cukai. Ulasan dan butir-butir lengkap yang diperlukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat boleh diperolehi daripada Lapuran Ekonomi dan juga dari penyata-penyata Perbelanjaan, Memoranda Hasil Pendapatan Negara, Perintah urusan Kastam, Rang Undang-undang dan berbagai-bagai risalah lain yang sudah dibentangkan atau yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini.

Keupayaan dan Pencapaian (prestasi)/Ekonomi Tahun 1976

Terlebih dahulu, izinkan saya mengulasan prestasi atau keupayaan dan pencapaian ekonomi dan kewangan negara pada tahun 1976. Sewaktu Ucapan Belanjawan 1976 dibentangkan dalam bulan November 1975, keadaan ekonomi dunia dan jangkaan kemajuan atau prospek ekonomi Malaysia kurang mudah dipastikan. Walau bagaimanapun, sewaktu Perutusan Belanjawan dibentangkan di Dewan Negara dalam bulan Januari 1976, keadaan ekonomi telah bertambah cerah. Dapat dikesankan pada masa itu bahawa ekonomi Malaysia telah beransur pulih. Sekarang saya dapat menyatakan dengan sukacitanya bahawa ekonomi Malaysia adalah lebih baik daripada jangkaan. Umpamanya, Keluaran Dalam Negara Kasar. (Gross Domestic Product) di masa ini dianggarkan telah berkembang dengan sebanyak 8.5 peratus dari segi sebenar berbanding dengan 6.1 peratus menurut anggaran Belanjawan 1976. Ini bererti bahawa kita telah mencapai kemajuan ekonomi yang lebih pesat daripada apa yang kita jangkakan pada tahun lalu. Begitu juga inflasi telah naik hanya 4.5 peratus mengikut anggaran Angka Tunjuk Harga Pengguna, berbanding dengan kadar inflasi 6 peratus yang dianggarkan dalam Belanjawan 1976.

Belanjawan 1976 telah dirancang supaya memainkan peranan untuk menggiatkan perkembangan ekonomi agar dapat mengatasi keadaan ekonomi yang kurang pasti. Selain daripada itu, Belanjawan itu juga bertujuan menggalakkan pemulihan ekonomi yang telah bermula. Oleh yang demikian, pelaburan awam telah dibenarkan supaya bertambah dari 6 peratus menurut anggaran Belanjawan 1976 kepada 8.8 peratus dari segi sebenar. Dasar-dasar kewangan telah dikendurkan pula untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan ekonomi, khususnya dalam lapangan pengeluaran pertanian dan perkilangan. Dasar-dasar itu juga bertujuan menyuburkan pertumbuhan ekonomi sambil mengurangkan harga. Pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1976 sepatutnya boleh berkembang dengan lebih pesat lagi sekiranya pelaburan swasta berkembang lebih daripada 3 peratus dari segi sebenar.

Keadaan permintaan luar negeri yang sihat telah memulihkan kedudukan eksport barangan kita sehingga dapat melebihi jumlah

impot yang tinggi tadi. Dengan itu, kita telah mendapat lebih sebanyak \$140 juta pada Akaun Semasa Imbangan Pembayaran. Lebih ini bersama kemasukan modal asing yang besar, dijangka akan menambahkan wang simpanan pertukaran luar bersih (cadangan pertukaran luar bersih) atau net foreign exchange reserve kita sebanyak kira-kira \$1,500 juta hingga menjadi lebih kurang \$5,430 juta. Paras wang simpanan luar yang tinggi ini adalah cukup untuk membiayai impot bersih bagi kira-kira 7 bulan berdasarkan paras impot pada akhir tahun 1976.

Pemulihan ekonomi dalam tahun 1976 telah menolong memperbaiki kedudukan Belanjawan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu hasil bagi tahun 1976 dianggarkan telah bertambah kira-kira 8.6 peratus atau \$450 juta lebih daripada anggaran Belanjawan 1976 bagi mencapai angka \$5,655 juta. Walau bagaimanapun, perbelanjaan dijangka telah bertambah sebanyak \$260 juta atau kira-kira 5 peratus bagi mencapai angka \$5,600 juta yang mana termasuk Tambahan Pertama sebanyak \$219 juta. Oleh itu kira-kira semasa Belanjawan sekarang dianggarkan mencatat lebih sebanyak \$55 juta berbanding dengan kurangan dalam anggaran Belanjawan 1976 sebanyak \$132 juta.

Perbelanjaan pembangunan 1976 telah ditambahkan dengan banyaknya di dalam dua peringkat, bagi mengambil kira tambahan keperluan-keperluan kewangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan juga untuk menggalakkan pemulihan ekonomi. Oleh yang demikian, perbelanjaan pembangunan sebenar pada masa ini adalah dianggarkan sebanyak \$2,400 juta atau 21 peratus lebih dari peruntukan sementara sebanyak \$1,983 juta yang telah diperuntukkan di bawah anggaran Belanjawan tahun 1976. Dengan itu, kurangan keseluruhan telah bertambah dengan sederhana sebanyak kira-kira \$240 juta dan dianggarkan berjumlah sebanyak \$2,305 juta. Kurangan ini telah dibiayai oleh pertambahan pinjaman dalam negeri dan pinjaman luar negeri yang kurang sedikit daripada anggaran Belanjawan tahun 1976, serta menggunakan sebahagian kecil daripada wang simpanan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ramalan ekonomi bagi tahun 1977 adalah cerah. Keluaran Negara Kasar (GNP) sebenar bagi negara-negara perindustrian utama pada keseluruhannya dijangka akan mengekalkan paras yang tinggi dalam aktiviti ekonomi iaitu kira-kira

5½ peratus seperti yang telah dialami pada tahun ini. Inflasi dalam negara-negara tersebut dijangka turun kepada kira-kira 8 peratus dalam tahun 1977 berbanding dengan kadar tahunan yang lebih tinggi yang dijangkakan bagi separuh tahun yang akhir ini.

Dengan itu, harapan masa depan bagi eksport Malaysia yang merupakan kira-kira 50 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) akan terus menggalakkan. Puncu utama bagi pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1977 adalah dijangka akan terus diberi oleh sektor eksport.

Strategi Belanjawan tahun 1977

Tuan Yang di-Pertua, atas dasar keadaan ekonomi dunia yang menggalakkan dan juga keadaan masa depan yang cerah bagi ekonomi negara kita sendiri dalam tahun 1977, saya mencadangkan strategi belanjawan seperti berikut yang bertujuan untuk:

- (a) memperkukuhkan pemulihan ekonomi pada masa ini dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi;
- (b) mengekalkan kesetabilan harga; dan
- (c) mempercepatkan pencapaian matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan objektif-objektif sosio-ekonomi kita, di dalam konteks keselamatan nasional.

Belanjawan tahun 1977 telah dirancang untuk menguatkan lagi sektor eksport supaya ia dapat membantu ekonomi. Oleh itu pelaburan awam atau Perbelanjaan Pembangunan Belanjawan ini telah dirancang supaya bertambah dengan banyak. Jumlah besar sebanyak \$4,694 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan. Ini merupakan 41 peratus lebih tinggi daripada jumlah peruntukan Belanjawan tahun 1976 yang berjumlah sebanyak \$3,317 juta. Tambahan ini akan membolehkan pelaburan awam bertambah kira-kira 11 peratus dari segi sebenar setelah menghitung jumlah yang mungkin tidak akan dibelanjakan. Paras perbelanjaan pembangunan yang tinggi ini akan memenuhi beberapa tujuan. Pertamanya ia akan mengukuhkan dan meneruskan pemulihan ekonomi; kedua, ia akan membantu pencapaian matlamat-matlamat pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan ketiganya, ia akan membekalkan wang yang cukup untuk keselamatan, terutamanya untuk menentang ancaman komunis.

Jumlah wang yang cukup akan diberi kepada semua agensi-agensi Kerajaan untuk membolehkan projek-projek pembasmian kemiskinan dilaksanakan dengan segera. Matlamat menyusun semula masyarakat akan dipercepatkan juga. Peruntukan kumpulan wang pembangunan yang besar ini janganlah dipandang sebagai kesempatan untuk membazir atau dibelanjakan dengan sesukahati. Adalah perlu dipastikan bahawa setiap ringgit itu diperhitungkan dan setiap ringgit itu hendaklah digunakan sepenuhnya. Perbelanjaan besar tidak akan memberi makna jika ia tidak memberi kesan atau faedah yang sebenar kepada rakyat. Berhubung dengan perkara ini, saya akan mengawal pengurusan kewangan supaya tidak berlaku kecuaiian dan penyelewengan.

Penggunaan awam atau perbelanjaan mengurus Belanjawan adalah dianggarkan bertambah pada kadar yang lebih perlahan dalam tahun 1977, iaitu sebanyak kira-kira 8 peratus dari segi sebenar. Ini adalah untuk memastikan supaya lebih banyak lagi sumber-sumber boleh didapati untuk membiayai perbelanjaan pembangunan Kerajaan dan rancangan pelaburan.

Jumlah perbelanjaan swasta adalah dijangka bertambah sebanyak kira-kira 7.9 peratus dari segi sebenar dalam tahun 1977. Perbelanjaan pihak swasta untuk membeli barang dan membayar untuk perkhidmatan (private consumption) dijangka bertambah dengan lebih perlahan sebanyak 7.4 peratus, iaitu berlebih sedikit daripada tahun 1976, oleh kerana pendapatan dari sektor eksport akan meningkat pada tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat sedikit kebimbangan mengenai kadar pertumbuhan pelaburan swasta yang rendah dan yang dijangka akan bertambah hanya sebanyak 3 peratus dari segi sebenar bagi keseluruhan tahun 1976. Sungguhpun pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan negatif sebanyak kira-kira tolak 4 peratus pada masa kita menghadapi kemerosotan ekonomi pada tahun 1975, ianya adalah satu keupayaan dan pencapaian yang tidak memuaskan. Akan tetapi oleh kerana kita tidak syak lagi bahawa pertumbuhan ekonomi adalah semakin kuat, pelaburan swasta dianggarkan akan berkembang sebanyak kira-kira 10 peratus dari segi sebenar dalam tahun 1977. Ini adalah lebih kurang

sama dengan kadar perkembangan yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan saya yakin bahawa matlamat ini akan dapat dicapai. Kerajaan telah memberi akuannya dengan tegas bahawa ia mengalu-alu dan menggalakkan peranan yang lebih besar oleh sektor swasta. Jaminan ini adalah terbukti dengan penubuhan sebuah Jawatan-Kuasa Khas Pelaburan di peringkat tinggi yang di ketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi mengkaji dan menyemak dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang membiimpangkan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri. Dengan demikian terpulanglah kepada sektor swasta menyambut seruan kerajaan dengan cara positif untuk memainkan peranan yang lebih penting di dalam pembangunan sosio-ekonomi kita. Peluang-peluang pelaburan di Malaysia adalah baik. Saya berharap ahli-ahli perniagaan akan merebut peluang-peluang ini dan menyambut baik pelawaan Kerajaan supaya mereka menyertai usaha kita untuk mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi dan cita-cita negara dengan sesungguhnya. Faedahnya akan kita nikmati bersama. Bagi pihaknya Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah mengumumkan bahawa saya akan mengemukakan satu Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Ekspot (Export Credit Refinancing Facility). Sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kemudahan pembiayaan semula bagi ekspot barang-barang perkilangan akan dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1977. Soal-soal pentadbiran, teknikal dan lain-lain aspek sedang diuruskan di antara Bank Negara Malaysia dan bank-bank perdagangan supaya melaksanakan cadangan ini untuk menggalakkan ekspot.

Saya juga ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya telahpun meminta Bank Negara mengkaji Akta dan Peraturan Kawalan Pertukaran Wang Asing bagi memperbaiki lagi dan menyelaraskan peraturan perundangan ini.

Sungguhpun peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Wang Asing yang terdapat sekarang adalah di antara yang paling longgar di dunia, peraturan-peraturan ini masih dikaji dengan mendalam untuk meminda dan membaikinya.

Tambahan pelaburan sektor awam dan sektor swasta yang dijangka dalam tahun 1977 diharap akan menambahkan paras impot sebanyak kira-kira 12.9 peratus dari segi sebenar. Ini adalah lebih tinggi sedikit daripada pertumbuhan ekspot yang dianggarkan sebanyak kira-kira 12.2 peratus. Oleh itu, Wang Simpanan antarabangsa kita yang bersih pada tahun 1977 dijangka akan bertambah lebih tinggi dari paras \$5,430 juta yang dianggarkan bagi penghujung tahun 1976.

Oleh yang demikian, pada keseluruhannya, berdasarkan kepada keupayaan dan pencapaian atau prestasi ekspot yang kuat dan galakan yang diberikan oleh pelaburan kerajaan, ekonomi negara ini dijangka akan terus maju dan mencapai pertumbuhan sebenar lebih daripada 9 peratus dalam tahun 1977.

Dasar Kewangan

Tambahan besar pada Wang Simpanan Luar dalam tahun ini dan juga tahun 1977 serta pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang semakin rancak, dijangka akan menambah Bekalan Wang (Money Supply) dengan banyaknya. Dengan itu, Kerajaan akan lebih berhati-hati dan akan mengambil langkah-langkah kewangan dan belanjawan yang sesuai untuk menjamin supaya segala jentera kewangan digunakan dengan cekap dan berkesan untuk mengawal kenaikan harga.

Tambahan pengeluaran dan daya pengeluaran tentu sekali akan membantu kesetabilan harga. Justru itu, langkah kewangan telah dibuat pada 23hb September, 1976 untuk menggalakkan keupayaan pengeluaran ekonomi dan khasnya pengeluaran barang-barang perkilangan dan makanan yang lebih. Langkah-langkah ini bukan sahaja akan membantu perkembangan keupayaan pengeluaran tetapi ia juga akan menolong mengekalkan kesetabilan harga dengan cara menambahkan pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan. Dengan itu dasar kewangan Kerajaan akan disesuaikan dengan keadaan supaya ia dapat dilaksanakan pada bila-bila masa untuk mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonominya di dalam konteks kesetabilan harga.

Belanjawan Tahun 1977

Saya telah membentangkan strategi Belanjawan tahun 1977 dan menerangkan kesannya ke atas pertumbuhan ekonomi.

Sebelum saya mengemukakan cadangan-cadangan dan perubahan-perubahan pada cukai, saya ingin menyentuh secara ringkasnya mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1977.

Hasil belanjawan tahun 1977 ini dianggarkan sebanyak \$6,354 juta mengikut kadar cukai yang ada sekarang. Ini adalah 12.3 peratus lebih daripada kutipan hasil dalam tahun 1976, terutamanya disebabkan oleh jangkaan keupayaan dan pencapaian atau prestasi yang lebih baik daripada keseluruhan kutipan hasil. Cukai pendapatan sahaja adalah dijangka akan bertambah sebanyak kira-kira 13 peratus mencapai \$2,165 juta, manakala cukai eksport ke atas getah adalah dijangka akan bertambah sebanyak kira-kira 17 peratus kepada hampir \$500 juta berdasarkan kepada harga getah purata yang dianggarkan sebanyak kira-kira 195 sen bagi satu kilo.

Perbelanjaan mengurus telah dianggarkan sebanyak \$6,301 juta dalam tahun 1977. Walau bagaimanapun jumlah ini tidak termasuk:

- (a) sebarang perubahan gaji.
- (b) pertambahan perbelanjaan keselamatan serta perbelanjaan selainnya daripada yang dianggarkan di dalam anggaran perbelanjaan tahun 1977 yang mungkin akan timbul pada tahun hadapan.

Atas asas inilah, kira-kira semasa belanjawan tahun 1977 dijangka akan mencatatkan satu lebihan kecil sebanyak lebih kurang \$53 juta pada kadar cukai yang ada sekarang ini.

Saya akan membentangkan Usul Anggaran Pembangunan 1977, sebaik saja selesai Ucapan Belanjawan saya. Perbelanjaan pembangunan sebenar yang akan dikeluarkan daripada jumlah peruntukan \$4,694 juta adalah dianggarkan sebanyak kira-kira \$3,370 juta bagi tahun 1977 setelah menghitung wang yang mungkin tidak dapat dibelanjakan. Perbelanjaan pembangunan yang tinggi ini akan dibiayai oleh lebihan daripada kira-kira semasa dan sebahagian besar daripadanya akan diperolehi melalui pinjaman dalam negeri, iaitu sebanyak kira-kira \$2,000 juta, dan melalui pinjaman dari luar negeri sebanyak lebih kurang \$900 juta. Ini akan ditambah dengan wang daripada wang simpanan Kerajaan. Walau bagaimanapun, sehingga ini angka-angka tersebut adalah anggaran sahaja. Perbelanjaan yang sebenar

dikehendaki dalam tahun 1977 bergantung-lah kepada apa yang akan berlaku selepas Belanjawan ini.

Perubahan-perubahan Cukai untuk tahun 1977

Tuan Yang di-Pertua, setelah menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kedudukan ekonomi dan akaun-akaun Kerajaan, sekarang saya akan menghuraikan perubahan-perubahan cukai untuk Belanjawan 1977.

Cadangan-cadangan dan perubahan-perubahan cukai dalam struktur cukai yang saya akan kemukakan berdasarkan strategi Belanjawan yang telah saya sebutkan awal tadi. Perubahan-perubahan cukai ini akan membantu untuk:

- (a) menggiatkan pertumbuhan ekonomi, terutamanya perkembangan perusahaan atau perkilangan;
- (b) mengurangkan belanja hidup terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Perubahan-perubahan cukai ini akan melibatkan pengorbanan sebahagian kecil dari hasil yang diterima sekarang. Bagaimanapun, langkah-langkah ini haruslah dilaksanakan untuk mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi yang telah saya sebutkan tadi.

Kerajaan sedang memainkan peranannya dan adalah diharapkan bahawa sektor swasta akan bergiat sama dengan menyambut baik galakan-galakan yang diberi itu.

Adalah juga diharapkan mereka yang berpendapatan rendah akan dapat menambah simpanan mereka dengan adanya langkah-langkah pengurangan cukai yang dicadangkan sekarang.

Kekurangan hasil yang disebabkan oleh cadangan-cadangan ini dijangka akan dapat diimbuh dengan kutipan yang akan bertambah oleh kerana perkembangan ekonomi.

Saya suka menyatakan di sini iaitu sebarang rujukan kepada anggaran hasil yang saya akan sebut adalah anggaran hasil bagi tahun sepenuhnya sungguhpun saya tidak akan menyebutnya satu persatu. Sekarang saya akan mulakan dengan mengemukakan cadangan-cadangan cukai langsung (direct taxes).

Cukai Pendapatan Perseorangan

Bagi orang perseorangan yang bermastautin di Malaysia potongan bagi pelepasan persendirian, tidak berubah sejak beberapa tahun. Rayuan-rayuan telah dibuat beberapa kali menerusi Dewan ini dan di tempat-tempat lain untuk menambahkan potongan pelepasan persendirian dan pelepasan bagi isteri.

Kerajaan telah menimbangkan rayuan-rayuan ini dengan teliti dan telah membuat keputusan supaya pemberian-pemberian tertentu patut dibuat untuk meringankan bebanan yang dipikul oleh pembayar-pembayar cukai dari golongan berpendapatan rendah.

Oleh yang demikian adalah dicadangkan tiap-tiap pemastautin tidak termasuk isteri yang bekerja (yang memilih untuk ditaksirkan berasingan ke atas pendapatan pekerjaannya) diberi "rebate" sebanyak \$60. Cara ini akan menggantikan pertambahan pada pelepasan persendirian sebagai potongan dari jumlah pendapatan untuk mengira jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai seperti yang diminta. Kerajaan lebih cenderung memberi "rebate" ini yang berkadar rata dengan tidak menambah pelepasan persendirian atas alasan keadilan. Sekiranya ada sesiapa yang menganggap "rebate" \$60 ini terlampau kecil, biarlah saya jelaskan kesannya yang sebenar.

"Rebate" \$60 ini adalah sama kesannya seperti tambahan pelepasan persendirian sebanyak \$1,000 untuk mereka yang berpendapatan rendah yang dikenakan cukai 6%. Tetapi sekiranya pertambahan pelepasan persendirian ini diberi kepada tiap-tiap pembayar cukai dengan tidak kira jumlah pendapatannya, mereka yang berpendapatan tinggi akan mendapat lebih faedah.

Oleh yang demikian, cadangan "rebate" cukai sebanyak \$60 itu tidaklah boleh dianggarkan sebagai bantuan yang kecil sahaja jika sekiranya ia dibandingkan dengan kadar pelepasan. Ingin saya memberi contoh-contoh berikut supaya perkara ini lebih jelas. Bagi pembayar cukai dalam:

Golongan yang membayar cukai sebanyak 6%, "rebate" itu adalah bersamaan dengan pelepasan sebanyak \$1,000;

Golongan yang membayar cukai sebanyak 12%, "rebate" adalah bersamaan dengan pelepasan sebanyak \$500;

Golongan yang membayar cukai sebanyak 55%, "rebate" itu adalah bersamaan dengan pelepasan sebanyak \$109.

Jika pelepasan persendirian ditambah sebanyak \$1,000, misalnya dari tingkat \$2,000 sekarang kepada \$3,000 golongan yang berpendapatan tinggilah yang akan lebih beruntung. Jika tambahan sebanyak \$1,000 kepada pelepasan persendirian itu diberi maka dari segi pengurangan beban cukai, pembayaran cukai dalam golongan cukai yang rendah sekali, dengan kadar 6 peratus, akan untung sebanyak \$60 sahaja; bagi pembayar cukai dalam golongan kadar 12 peratus, \$120; tetapi bagi pembayar cukai dalam golongan 55 peratus, ini akan memberinya keuntungan sebanyak \$550.

"Rebate" cukai sebanyak \$60 ini tidak akan diberi kepada isteri-isteri yang bekerja yang memilih untuk ditaksirkan berasingan kerana pada masa ini seorang isteri yang bekerja menerima pelepasan persendirian yang lebih tinggi sebanyak \$2,000 berserta dengan potongan untuk pendapatan tenaga sendiri dan mereka juga menikmati beban cukai yang lebih rendah disebabkan taksiran yang berasingan itu.

Berdasarkan kepada pemberian "rebate" kepada pembayar cukai, seperti diterangkan saya cadangkan untuk memberi kepada pemastautin perseorangan satu lagi "rebate" cukai sebanyak \$30 bagi isteri yang tidak bekerja atau bagi isteri yang bekerja tetapi tidak memilih untuk ditaksirkan berasingan. "Rebate" ini tidak akan diberi kepada isteri yang bekerja yang memilih untuk ditaksirkan berasingan. Cadangan-cadangan "rebate" ini akan mula berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1977. Langkah-langkah ini akan menyebabkan kehilangan hasil sebanyak \$17.4 juta.

Cukai Pembangunan

Pada masa ini, di bawah Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967, satu-satu badan selain daripada orang perseorangan, misalnya sebuah syarikat dikehendakki membayar cukai pembangunan minima sebanyak \$100, atau \$250 atau \$500 mengikut modal terkumpul walaupun syarikat itu tidak dapat sebarang keuntungan. Bagi sebuah kelab atau persatuan, badan amanah, harta pesaka atau keluarga sekutu Hindu, mereka dikehendakki membayar cukai pembangunan minima sebanyak \$100. Saya bercadang supaya cukai pembangunan minima ini dimansuhkan dan cukai dikehendakki dibayar

bila keuntungan diperolehi oleh sesebuah syarikat atau mereka yang berkenaan. Cukai tidak akan dikenakan sekiranya tidak ada keuntungan. Cukai pendapatan minima, ataupun 5% daripada pendapatan itu, yang mana lebih banyak, akan terus dikenakan atas pendapatan yang diperolehi dari sumber pembangunan.

Cukai pembangunan sekarang ini dikenakan ke atas pendapatan orang-orang perseorangan apabila pendapatan mereka dari sumber pembangunan melebihi \$3,000 atau ke atas seorang rakan perkongsian yang menerima pendapatan melebihi \$2,000 dari sumber perkongsiannya. Dalam kedua-dua kes itu, mereka dikenakan cukai ke atas tiap-tiap ringgit pendapatan mereka dengan tidak diberi apa-apa pelepasan. Dengan adanya kadar rata cukai sebanyak 5 peratus, ketiadaan pelepasan seperti itu bermakna mereka yang tidak dikenakan cukai pendapatan masih dikenakan cukai pembangunan. Beban ini adalah lebih berat bagi mereka yang memperolehi pendapatan pembangunan yang tidak jauh melebihi \$3,000 bagi orang-orang perseorangan atau \$2,000 bagi rakan perkongsian terutama sekali di kalangan golongan berpendapatan rendah dengan pendapatan sehingga \$8,000 setahun.

Aduan yang selalu diterima mengenai pengenaan cukai pembangunan itu kebanyakannya datang dari pekebun-pekebun kecil, peneroka-peneroka FELDA dan petani-petani. Oleh kerana mengikut takrif, pendapatan dari kegiatan pertanian disifatkan sebagai pendapatan perniagaan, maka cukai pembangunan telah dikenakan ke atas pekebun-pekebun kecil, peneroka-peneroka FELDA dan pengeluar-pengeluar pertanian yang lain. Oleh kerana pekebun-pekebun kecil menerima pendapatan yang rendah dari kegiatan pertanian mereka yang tidak seperti pendapatan estet-estet cukai pembangunan ini merupakan satu beban tambahan kepada mereka.

Untuk meringankan beban cukai ke atas golongan berpendapatan rendah, saya cadangkan supaya hanya orang-orang perseorangan yang berpendapatan melebihi \$3,000, atau \$2,000 bagi rakan perkongsian dikenakan cukai pembangunan. Oleh itu, seseorang individu yang memperolehi pendapatan katakan sebanyak \$5,000, hanya harus dikenakan cukai ke atas \$2,000 pada kadar 5% yang ada sekarang ini. Sekiranya seorang rakan

perkongsian yang memperolehi sumber perkongsian, cukai pembangunan sebanyak 5% adalah dikenakan ke atas sebarang pendapatan yang melebihi \$2,000.

Cadangan ini akan mula berkuatkuasa untuk tahun taksiran 1977 dan akan menyebabkan kehilangan hasil sebanyak \$12.7 juta.

Percukaian Koperasi (Syarikat Kerjasama)

Tuan Yang di-Pertua, cukai yang dikenakan ke atas koperasi juga perlu diulangkaji memandangkan kepada keadaan sekarang ini.

Sebelum tahun taksiran 1967, sesebuah koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang telah dikecualikan sama sekali dari cukai pendapatan. Bagaimanapun, sejak tahun taksiran 1968 sebuah koperasi dikecualikan dari cukai hanya jika kegiatan-kegiatan utama koperasi itu terhad kepada :

- (a) perniagaan sesama ahli-ahli atau lain-lain koperasi yang berdaftar;
- (b) pemasaran pengeluaran atau barang-barang keluaran ahli-ahli; atau
- (c) penjualan kepada ahli-ahli barang-barang yang diberi untuk maksud penjualan itu.

Di sini, dapatlah dilihat bahawa hanya koperasi yang memenuhi di antara ketiga-tiga syarat itu dikecualikan dari cukai pendapatan. Ada juga peruntukan-peruntukan dan sekim percukaian sekarang yang dikenakan ke atas koperasi menyulitkan pentadbiran cukai. Ini adalah disebabkan kegiatan koperasi kian berubah di mana dalam satu tahun kegiatan utamanya mungkin merupakan kegiatan tambahan (subsidiary activity) dan kegiatan tambahan itu pula boleh menjadi kegiatan utama dalam tahun berikutnya. Oleh yang demikian, ada kemungkinan bagi sesebuah koperasi dikecualikan dari cukai dalam satu tahun tetapi dikenakan cukai pada tahun yang lain. Ini akan menyulitkan pentadbiran oleh kerana tiap-tiap kes perlu diberi perhatian dan dikaji tiap-tiap tahun berasaskan kepada kira-kira tahunannya. Seterusnya apabila koperasi-koperasi mempunyai pelbagai kegiatan, pengecualian yang berasaskan kepada kegiatan utama akan menyebabkan pendapatan dari kegiatan-kegiatan lain dikecualikan dari cukai juga. Sekim dan peruntukan-peruntukan sekarang

ini dengan itu mungkin boleh disalahgunakan. Dengan demikian satu perubahan perlu dibuat.

Kerajaan memang sedar bahawa gerakan koperasi terutamanya yang berdasarkan kepada prinsip saling-membantu, perlu diberi galakan supaya dapat ia memainkan peranan yang berguna dalam ekonomi. Menerusi langkah-langkah galakan percukaian, setengah dari mereka telah berjaya untuk berkari dan memperoleh pendapatan yang lumayan.

Oleh itu, saya bercadang memansuhkan seksyen pengecualian cukai yang ada sekarang mengenai pendapatan koperasi dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua koperasi akan dikenakan cukai tertakluk kepada beberapa syarat pengecualian yang akan disebutkan. Oleh kerana pergerakan koperasi adalah digalakkan oleh Kerajaan, cukai yang akan dikenakan tidaklah pada kadar yang sama seperti ke atas syarikat-syarikat. Koperasi-koperasi hendaklah juga memberi sumbangan kepada keperluan hasil negara.

Adalah dicadangkan iaitu pendapatan semua koperasi dicukai mengikut kadar yang berikut:

<i>Pendapatan yang dikenakan cukai</i>	<i>Kadar cukai</i>
Bagi tiap-tiap 10,000 ringgit yang pertama	5 peratus
Bagi tiap-tiap 10,000 ringgit yang berikutnya	7 peratus
Bagi tiap-tiap 10,000 ringgit yang berikutnya	10 peratus
Bagi tiap-tiap 10,000 ringgit yang berikutnya	14 peratus
Bagi tiap-tiap 10,000 ringgit yang berikutnya	20 peratus
Bagi tiap-tiap 25,000 ringgit yang berikutnya	23 peratus
Bagi tiap-tiap 25,000 ringgit yang berikutnya	27 peratus
Bagi tiap-tiap 50,000 ringgit yang berikutnya	30 peratus
Bagi tiap-tiap 100,000 ringgit yang berikutnya	34 peratus
Bagi tiap-tiap 250,000 ringgit yang berikutnya	37 peratus
Bagi tiap-tiap ringgit yang melebihi 500,000 ringgit	40 peratus

Oleh kerana keadaan-keadaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi baru dan yang telah lama ditubuhkan, maka cukai yang dicadangkan itu akan hanya dikenakan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- satu tempoh pengecualian cukai selama lima tahun daripada tarikh pendaftaran akan dibenarkan;
- selepas lima tahun itu, koperasi-koperasi yang mempunyai kumpulan wang ahli sebanyak \$500,000 atau kurang akan terus dikecualikan dari cukai;
- satu potongan akan diberi dari pendapatan setakat jumlah maksima sebanyak 25 peratus dari pendapatan bersih untuk sumbangan kepada kumpulan wang simpanan berkanun yang diwajibkan di bawah Ordinan Koperasi;
- cukai keuntungan berlebihan dan cukai pembangunan tidak akan dikenakan ke atas pendapatan koperasi-koperasi;
- dividen-dividen atau pembahagian laba yang dikeluarkan oleh koperasi tidak akan dikenakan cukai dan ahli-ahli tidak akan diberi kredit bagi cukai pendapatan yang dibayar oleh koperasi yang mengeluarkan dividen itu.

Peruntukan-peruntukan ini adalah dibuat dengan tujuan untuk membenarkan koperasi yang baru satu tempoh permulaan sebelum dikenakan cukai; untuk meringankan bebanan cukai koperasi kecil; dan untuk menentukan

keperluan kumpulan wang kerja yang dikehendak oleh undang-undang koperasi, yang mana akan dikembalikan kelak untuk kegunaan awam sekiranya sesuatu koperasi itu dibubar.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan ini hanya koperasi-koperasi yang besar dan berkeuntungan sahaja yang akan menanggung cukai baru yang dikenakan itu. Oleh yang demikian, tidak ada kemungkinan koperasi peladang dan nelayan dikenakan cukai ini. Dengan adanya potongan maksima sehingga 25 peratus dari pendapatan sebelum dikenakan cukai dan kadar cukai yang berperingkat-peringkat, beban cukai ke atas kebanyakan koperasi-koperasi adalah secara langsung lebih rendah jika dibanding dengan cukai yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat.

Cadangan ini akan mula berkuatkuasa dari tahun taksiran 1977 dan dijangka akan menambah hasil sebanyak \$11.5 juta.

Cukai Pegangan ke atas Faedah Yang Dibayar kepada orang Bukan Pemastautin

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebarang faedah yang diterima dari Malaysia oleh seorang bukan pemastautin atas pinjaman yang diluluskan adalah dikecualikan sama sekali dari cukai. Pinjaman-pinjaman yang dibuat selepas 1hb Januari 1972 dan diluluskan secara resmi bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan atau untuk membeli alat-alat bagi projek-projek pembangunan adalah dikecualikan. Sebarang faedah yang diterima oleh seorang bukan pemastautin atas lain-lain pinjaman, simpanan atau lain-lain hutang-piutang adalah dikenakan cukai pegangan sebanyak 15 peratus dari jumlah kasar faedah itu.

Untuk menggalak dan memudahkan lebih banyak memasukkan modal dari luar yang saya percaya akan menolong menggiatkan lagi wang tambahan yang diperlukan untuk pelaburan, saya bercadang mengecualikan cukai ke atas faedah yang dibayar kepada orang-orang bukan pemastautin. Simpanan-simpanan atau pinjaman-pinjaman dari luar yang tidak kurang dari 3 tahun yang dibuat mulai dari 1hb Januari 1977 akan dikecualikan.

Ganjaran yang diterima oleh Pekerja-pekerja

Ganjaran yang diterima oleh pekerja adalah dikenakan cukai, tetapi ganjaran yang diterima apabila seseorang itu bersara atas sebab-sebab kesihatan atau apabila sampai umur 50 tahun bagi pekerja perempuan dan 55 tahun bagi pekerja lelaki adalah dikecualikan sepenuhnya dari cukai dengan syarat

pekerja tersebut telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikannya. Sekiranya syarat-syarat bagi pengecualian tersebut tidak dipenuhi, pada masa ini, ganjaran yang diterima oleh pekerja itu apabila ia berhenti kerja akan dikenakan cukai mengikut tempoh pekerjaan dengan majikannya atau selama tempoh 5 tahun, yang mana lebih pendek.

Majikan biasanya memberi pertimbangan kepada perkhidmatan pekerja pada keseluruhannya sebelum membuat pembayaran ganjaran. Tetapi sekiranya tempoh perkhidmatan seseorang pekerja melebihi lima tahun, saya rasa tempoh selama lima tahun bagi mentaksir pembayaran cukai atas ganjaran boleh membebankan pekerja yang berkenaan. Saya mencadangkan supaya beban cukai itu dibahagikan (spread over) selama tempoh 10 tahun atau selama tempoh pekerjaannya yang sebenar, yang mana lebih pendek. Tempoh 10 tahun itu adalah masih dalam lingkungan masa untuk membuat taksiran tambahan dan akan menentukan yang jumlah ganjaran sepenuhnya akan dikenakan cukai.

Perubahan yang dicadangkan untuk cukai ke atas ganjaran yang dibayar tatkala tamatnya pekerjaan akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1977.

Anggaran kehilangan hasil bagi mengurangkan beban cukai berkenaan ganjaran ini adalah dalam lingkungan \$3 juta.

Pencen yang Dibayar kepada Pesara-pesara

Berhubung dengan pengurangan cukai atas ganjaran, saya juga bercadang untuk mengecualikan pencen-pencen yang diterima oleh pemastautin dari bayaran cukai pendapatan berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1977. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kebanyakan pesara-pesara yang berpencen adalah terdiri daripada kakitangan Kerajaan. Oleh kerana hanya terdapat sebilangan kecil sahaja pesara-pesara di bawah sekim-sekim pencen yang dikelolakan oleh pihak swasta, pengecualian dari cukai pendapatan atas pencen-pencen akan kebanyakannya menguntungkan kakitangan Kerajaan yang telah bersara. Saya suka tegaskan di sini bahawa pengecualian ini akan diambil kira sebagai satu daripada pemberian Kerajaan dalam sebarang kajian semula gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan yang mungkin dilaksanakan di masa hadapan.

Kehilangan hasil kerana cadangan ini adalah dianggarkan sebanyak \$3.3 juta.

Elaun Susutan yang Dipercepatkan

Pada masa ini, perusahaan membalak dan bijih timah menerima faedah daripada elaun susutan yang dipercepatkan yang bercorak elaun permulaan yang bertambah sebanyak 60 peratus. Untuk menggalakkan penubuhan, pembaharuan dan perkembangan industri-industri atau aktiviti-aktiviti tertentu, saya sekarang mencadangkan supaya elaun susutan yang dipercepatkan dalam bentuk elaun tahunan sebanyak 80 peratus atas mesin dan jentera diberi kepada industri-industri tertentu terutama sekali kepada industri-industri yang berlandaskan pertanian, dan berasaskan kepada bahan-bahan mentah, makanan dan lain-lain industri yang difikirkan perlu. Elaun tahunan ini adalah sebagai ganti kepada elaun tahunan biasa mengikut kadar yang telah ditentukan untuk berbagai industri. Galakan ini akan diberi atas perbelanjaan yang dibuat dalam tempoh asas bagi tahun-tahun taksiran 1978, 1979 dan 1980. Ini bermakna bahawa kegiatan pekilang-pekilang dalam tahun-tahun 1977, 1978 dan 1979 akan mendapat kemudahan ini. Elaun tahunan sebanyak 80 peratus ini diberi sebagai ganti kepada elaun-elaun biasa yang ditentukan dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun-elaun tahunan Loji yang layak) 1968 (Income Tax (Qualifying Plant Annual Allowance) Rules, 1968.) Elaun permulaan sebanyak 20 peratus bagaimanapun tidak berubah. Ini bermakna bahawa 100 peratus atau kesemua jumlah kos modal jentera dan mesin dibenar untuk disusutkan bagi maksud cukai dalam satu tahun. Adalah diharapkan elaun susutan yang dipercepatkan itu akan memberi galakan kepada setengah-setengah industri yang akan ditubuhkan dan industri-industri yang ada sekarang ini akan memoden dan memperbesarkan keupayaan bagi menambah pengeluarannya serta meninggikan mutu pengeluarannya. Elaun tahunan yang dipercepatkan ini akan diberi kepada industri-industri seperti berikut:

- (i) Penyembelihan, persediaan dan melamakan daging;
- (ii) Mengetin nenas;
- (iii) Mengetin dan melamakan buah-buahan dan sayur-sayuran dan air buah-buahan;

- (iv) Mengetin, melamakan dan memproses ikan, remis dan jenis-jenis makanan laut yang serupa;
- (v) Pembuatan minyak kelapa;
- (vi) Pembuatan sagu dan tepung ubi kayu, kepingan ubi kayu dan kerepek, ragi dan lain-lain keluaran sagu dan ubi kayu;
- (vii) Pembuatan biskut;
- (viii) Pengeluaran makanan untuk binatang dan ayam, campuran, ditin, disejukkan dan dikeringkan.
- (ix) Pembuatan barangan getah seperti barang-barang getah perusahaan dan peralatan, barang-barang keistimewaan getah dan lain-lain barangan misalnya sarung tangan, tikar, sponge dan lain-lain barang yang diperkeraskan dan lain-lain;
- (x) Pembuatan barangan struktur yang dibuat dari tanah liat;
- (xi) Pembuatan periok, tembikar dan barang-barang buatan dari tanah liat;
- (xii) Peleburan;
- (xiii) Pembuatan barang-barang rangka besi;
- (xiv) Pembuatan barang-barang besi, pewter dan alumina;
- (xv) Pembuatan mesin untuk kerja besi dan kayu;
- (xvi) Pembuatan alat dan mesin khas melainkan mesin untuk kerja-kerja besi dan kayu bagi industri-industri yang khusus seperti mesin membuat makanan, mesin kain, mesin perusahaan kertas, mesin perusahaan kimia, mesin penapisan minyak dan lain-lain;
- (xvii) Pembinaan dan pembaikan kapal;
- (xviii) Pembuatan barang-barang profesyenal, saintifik, ukuran dan barang-barang pengawas;
- (xix) Pembuatan bekas-bekas kayu dan rotan dan barang-barang kecil dari rotan;
- (xx) Pembuatan perabut dan alat-alat perkakas rumah.

Cukai-cukai tidak langsung

Duti-duti eksepot: getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, duti-duti eksepot adalah dikenakan

atas tiga bahan utama iaitu getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit. Rayuan telah dikemukakan oleh perusahaan-perusahaan tersebut bahawa kos pengeluaran telah meningkat untuk beberapa ketika. Dalam usaha membantu perusahaan-perusahaan ini, saya bercadang untuk membuat beberapa pindaan duti-duti ekseptot dan sercaj berkaitan dengan tiga bahan utama ini. Pindaan-pindaan ini dicadangkan supaya membetulkan kelemahan yang didapati dalam struktur sercaj di paras harga yang rendah. Bagi bijih timah, dua faktor penting telah dikemukakan supaya struktur sercaj diubah: tambahan kos pengeluaran terutamanya yang dialami oleh lombong-lombong "gravel pump" dan meningkatnya harga minima (lantai) Stok Penimbal Majlis Timah Antarabangsa yang dibuat mengikut permohonan Malaysia.

Berasaskan kepada sebab-sebab seperti dinyatakan, saya mencadangkan supaya sercaj ekseptot atas getah akan hanya dikenakan di paras harga 62.5 sen satu paun dan bukan 60.125 sen seperti yang ada sekarang. Sebab utama pindaan ini dibuat adalah untuk menghapuskan keadaan tidak seimbang yang terdapat pada struktur duti ekseptot sekarang terutamanya dalam lingkungan harga antara 60.125 sen dan 62.375 sen satu paun. Dengan cadangan ini, saya menjangka pulangan kepada pengeluar-pengeluar getah akan menjadi lebih baik khususnya di paras-paras harga yang rendah.

Bagi sercaj ekseptot atas bijih timah, adalah dicadangkan supaya sercaj dimulakan di paras harga \$850 satu pikul dan tidak di paras harga \$700 satu pikul seperti yang ada sekarang. Adalah diharapkan pindaan ini akan membantu lombong-lombong sut (marginal) di paras harga yang rendah. Walaupun kadar sercaj yang lebih tinggi dicadangkan di paras harga yang tinggi, ini difikirkan adil dan saksama terutamanya bila diambil kira bahawa timah adalah perusahaan bahan yang menjadi kurang; oleh yang demikian sercaj yang berpatutan hendaklah dikenakan bila perusahaan ini berupaya membayar dan mendapat keuntungan. Atas sebab-sebab perubahan kos pengeluaran adalah juga dicadangkan struktur duti ekseptot dipinda supaya duti mula dikenakan di paras harga \$400 satu pikul. Adalah juga dicadangkan untuk mengkaji semula duti impot yang sekarang ini dikenakan atas alat-alat dan mesin, misalnya

injin diesel, yang digunakan oleh lombong-lombong bijih timah dengan tujuan membolehkan pelombong-pelombong mengimpor keperluan mereka. Ini sudah tentu akan membantu pelombong-pelombong timah, terutamanya lombong-lombong sut (marginal) untuk menambah kecekapan dan pengeluaran mereka.

Sejajar dengan dua bahan utama yang telah saya sebutkan tadi, adalah dicadangkan juga supaya pindaan dilakukan terhadap duti ekseptot dan sercaj atas minyak kelapa sawit. Sercaj atas ekseptot akan hanya mula dikenakan di paras harga \$600 ke atas dan tidak di paras \$450 satu tan. Duti ekseptot akan dikurangkan supaya jumlah duti dan sercaj di paras harga kurang daripada \$900 satu tan akan berkurangan dan hanya naik sedikit apabila harga melebihi \$900.

Segala pindaan-pindaan tersebut iaitu atas getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit mengakibatkan kehilangan hasil sejumlah \$18.08 juta. Pengorbanan hasil ini difikirkan perlu memandangkan mustahaknya bahan-bahan ini kepada ekonomi Malaysia. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk memelihara perusahaan-perusahaan ini supaya terus viable dan berkemampuan menambahkan pengeluaran.

Butir-butir lanjut mengenai cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan adalah dibentangkan dalam Perintah-perintah Kastam yang berkaitan.

Cukai Jalan atas Kereta-kereta Motor

Saya bercadang menyemak kembali struktur cukai jalan atas kereta-kereta penumpang persendirian dan motosikal dengan tujuan memperseimbangkan bayaran yang sedia ada dan juga bertujuan menambah hasil Kerajaan.

(a) Cukai jalan atas kereta-kereta penumpang persendirian

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu langkah hasil, saya bercadang mengkaji semula bayaran lesen kereta motor atau apa yang biasanya disebutkan sebagai cukai jalan bagi kereta-kereta penumpang persendirian. Cukai jalan berperingkat seperti yang ada sekarang akan dikekalkan. Walau bagaimanapun kadar-kadar bayaran dijadikan lebih progresif bagi kereta-kereta yang menggunakan minyak petrol dan mempunyai kuasa

melebihi 1000 c.c. Struktur kadar baru adalah seperti berikut:

Bagi 1000 c.c. pertama	...	13 sen satu c.c.
Bagi 500 c.c. yang berikutan		15 sen satu c.c.
Bagi 500 c.c. yang berikutan		17 sen satu c.c.
Bagi 500 c.c. yang berikutan		19 sen satu c.c.
Bagi 500 c.c. yang berikutan		21 sen satu c.c.
Bagi c.c. yang berikutan	...	23 sen satu c.c.

Berkenaan dengan kereta-kereta yang menggunakan diesel, cukai jalan akan kekal pada kadar yang ada sekarang iaitu empat kali ganda daripada cukai yang dikenakan ke atas kereta-kereta yang menggunakan minyak petrol.

Cadangan ini dibuat oleh kerana orang-orang yang hendak memiliki kereta-kereta besar sudah tentu mampu membayar cukai yang lebih. (*Ketawa*).

Walau bagaimanapun saya ingin menjelaskan bahawa kadar baru ini tidak akan dikenakan kepada semua jenis teksi dan kereta sewa supaya tidak menambahkan beban menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam. Oleh itu kereta-kereta ini akan terus dikenakan kadar cukai jalan pada kadar yang ada sekarang, iaitu 12 sen satu c.c. bagi kereta-kereta yang menggunakan minyak petrol dan 44 sen satu c.c. bagi kereta-kereta yang menggunakan minyak diesel.

Adalah dianggarkan bahawa cukai jalan yang baru ini akan mendatangkan hasil tambahan sebanyak \$10 juta.

(b) *Cukai jalan atas motosikal*

Cukai jalan atas motosikal yang ada sekarang ialah \$50 satu tahun. Cadangan yang saya akan kemukakan pada hari ini ialah untuk mengenakan cukai jalan berperingkat-peringkat bagi menggantikan kadar rata yang ada sekarang. Kadar-kadar yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Tidak melebihi 75 c.c.	...	\$50 satu tahun
Melebihi 75 c.c. tetapi tidak melebihi 150 c.c.	...	\$55 satu tahun
Melebihi 150 c.c. tetapi tidak melebihi 250 c.c.	...	\$60 satu tahun
Melebihi 250 c.c.	...	\$70 satu tahun

Kadar yang dicadangkan ini akan mendatangkan hasil tambahan sebanyak \$2 juta.

Duti-duti Kastam

Sebagai satu langkah hasil, saya bercadang membuat beberapa pindaan kepada duti impot atas tembakau, rokok, cerut, dan minuman keras dan juga kepada duti-duti eksais bagi beberapa jenis barang.

Duti-duti Impot

Sekarang ini tembakau dikenakan duti impot sebanyak \$11.20 satu paun. Duti ini akan dinaikkan sebanyak \$1.10 kepada \$12.30 satu paun. Duti impot rokok akan dinaikkan daripada \$15 satu paun kepada \$16.50 satu paun dan duti impot bagi cerut dinaikkan dari \$20 kepada \$22 satu paun. Hasil tambahan sebanyak \$15 juta adalah dianggarkan dapat dipungut daripada kenaikan duti-duti ini.

Duti-duti impot bagi minuman keras akan dinaikkan sebanyak 15%. Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat melihat butir-butir lanjut mengenai cadangan ini dalam Perintah-perintah Kastam. Untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat melihat perubahan-perubahan yang dicadangkan, satu jadual yang menunjukkan kadar duti yang ada sekarang dan juga yang baru, adalah dilampirkan sebagai *Lampiran A* kepada Ucapan saya. Hasil tambahan yang dianggarkan daripada kenaikan duti-duti ini ialah \$6 juta.

Duti-duti Eksais

Sebagai satu langkah hasil, saya cadang menambahkan duti-duti eksais atas beberapa jenis barang. Walau bagaimanapun pindaan kadar ini akan hanya dihadkan kepada barang-barang mewah dan separuh mewah seperti minuman keras, rokok, tayar dan beberapa jenis barang elektrik. Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat melihat butir-butir lanjut mengenai pindaan-pindaan ini dalam Perintah-perintah Kastam.

Seperti yang akan dapat dilihat dari *Lampiran B* kepada Ucapan saya nanti, tambahan ini adalah kecil walaupun ke atas barang-barang mewah. Misalnya duti eksais atas minuman keras (beer) akan dinaikkan dari \$4.80 satu gelen kepada \$5.20 satu gelen dan untuk rokok tambahannya ialah sebanyak 15 sen satu paun, iaitu dari \$1.50 satu paun kepada \$1.65 satu paun. Lain-lain barang separuh mewah seperti peti T.V., peti-peti ais, cerek elektrik dan dapur elektrik akan juga ditambah duti eksaisnya.

Duti eksais atas kereta-kereta motor akan dipinda strukturnya bagi membetulkan suatu kelemahan pada struktur yang ada sekarang. Ini akan hanya melibatkan kereta-kereta yang mempunyai nilai "ex-factory" (ex-factory value) melebihi \$13,000. Satu kadar 45% akan dikenakan atas kereta-kereta yang mempunyai nilai melebihi \$13,000 tetapi kurang daripada \$20,000 bagi menggantikan dua kadar yang ada sekarang. Duti eksais atas kereta yang mahal akan dikenakan kadar yang lebih tinggi.

Hasil tambahan bagi pindaan-pindaan duti eksais dianggarkan berjumlah \$12.2 juta.

Cukai Perkhidmatan

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, cukai perkhidmatan pada kadar 5% telah dikenakan atas beberapa perkhidmatan tertentu di hotel-hotel dan juga di rumah tumpangan yang seumpamanya, seperti motel dan rumah riha semasa Belanjawan 1975 yang lalu. Perkhidmatan-perkhidmatan ini termasuk tempat tumpangan, makanan, hiburan dan lain-lain perkhidmatan yang diberi oleh tempat-tempat seperti ini.

Saya rasa bidang cukai ini patut diperluaskan supaya meliputi perkhidmatan yang serupa tetapi diadakan di lain-lain tempat. Oleh itu di bawah pindaan yang dicadangkan, cukai perkhidmatan akan meliputi semua kelab-kelab malam, dewan-dewan tari, kabret, pusat-pusat kesihatan dan rumah-rumah urut (*Ketawa*) yang terletak di dalam ataupun di luar bangunan hotel dan rumah tumpangan seumpamanya.

Adalah dianggarkan dengan meluaskan bidang cukai ini maka Kerajaan akan mendapat hasil tambahan sebanyak \$1 juta.

Segala cadangan-cadangan cukai ini akan mendatangkan hasil tambahan sebanyak \$67.7 juta, tetapi disebabkan pengorbanan hasil dari cukai langsung dan cukai tidak langsung seperti yang saya telah terangkan sekejap tadi, tambahan bersih hasil adalah dianggarkan sebanyak \$2.22 juta sahaja. Dengan tambahan cukai bersih sebanyak \$2.22 juta, kelebihan dalam akaun semasa adalah dianggarkan sebanyak \$55 juta bagi tahun 1977.

Penutup

Tuan Yang di-Pertua, kita akan menempuh tahun 1977 dengan penuh keyakinan.

Sungguhpun prospeknya kelihatan cerah, kita hendaklah berhati-hati juga.

Mereka yang mendapat faedah daripada pendapatan yang tinggi patutlah menyimpan lebih banyak untuk masa depan anak-anak mereka dan menambahkan pelaburan. Kerajaan hanya boleh menyediakan kemudahan-kemudahan asas, peluang-peluang dan iklim pelaburan yang baik untuk pembaharuan dan kemajuan. Peluang-peluang ini mestilah digunakan sepenuhnya untuk maju ke hadapan. Usaha pembangunan yang sebegitu besar dan meluas di bawah Rancangan Malaysia Ketiga memerlukan pengorbanan dan sokongan rakyat dari semua peringkat untuk mencapai tujuan sosio-ekonomi nasional. Sokongan ini boleh ditunjuk dengan melibatkan diri terutama sekali di luar bandar dalam projek-projek dan rancangan pembangunan masyarakat. Semangat gotong royong mestilah diamalkan dengan lebih luas lagi untuk menambahkan pengeluaran makanan menerusi projek-projek Buku Hijau.

Kita mesti berjaga-jaga dan tidak boleh berdiam diri terutama sekali mengenai keselamatan negara. Kita hendaklah berwaspada lebih lagi dan bekerjasama penuh dengan pasukan keselamatan untuk menghapuskan ancaman pengganas komunis. Kerjasama itu boleh ditunjuk dengan cara mengambil peranan yang aktif dalam badan-badan sukarelawan dan menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga dengan berkesan. Kita mesti menguatkan Iman kita untuk menghadapi anjakan komunis dan gejala-gejala buruk, terutamanya dadah yang telah merosakkan belia-belia kita. Kerjasama seumpama ini sangat-sangat dikehendaki oleh kerana ianya dengan sendiri dapat mengurangkan perbelanjaan keselamatan. Perbelanjaan pertahanan yang sebegitu besar saja tidak akan memberi kesan melainkan pasukan keselamatan diberi sokongan yang penuh oleh orang awam. Sungguhpun demikian sokongan yang diperlukan ini tidak terhad kepada kerjasama di bidang keselamatan saja bahkan dalam bidang pembangunan ekonomi.

Pihak swasta mestilah memainkan peranannya dan meneruskan tanggungjawab mereka. Sektor ini perlu menghidupkan semula semangat yang berani meneroka lapangan-lapangan baru dan menyesuaikan diri dengan keadaan dan cabaran-cabaran zaman. Begitu juga tenaga pekerja negara ini mempunyai

peranan yang sama penting dalam usaha menambahkan daya pengeluaran. Pengeluaran yang lebih tinggi akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mengawal kenaikan harga dan menjamin kebajikan pekerja-pekerja sendiri. Sektor swasta yang lebih cekap juga akan dapat menambahkan pengeluaran, mengurangkan bayaran atau kos pengeluaran dan meninggalkan mutu barang-barang pembuatan. Jentera pentadbiran Kerajaan pun boleh diperkemaskan lagi dengan menambahkan daya pengeluaran para pekerjanya supaya mereka dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada usaha mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan sebagai penutup ucapan saya ini bahawa negara kita benar-benar merupakan tanah yang dirahmati Allah. Kita mempunyai cukup sumber-sumber untuk menjamin paras dan mutu kehidupan yang tinggi untuk semua. Iklim Malaysia memang selesa. Kita bersyukur ke hadharat ilahi kerana kita bernasib baik tidak ditimpa bencana alam yang merbahaya seperti ribut, taufan dan gempa bumi. Kita tidak pernah menghadapi kebuluran oleh kerana bumi kita subur dan mudah diusahakan untuk mendapat makanan yang cukup; sungai dan laut pun mempunyai banyak sumber-sumber makanan. Sekalian rahmat ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang kaya, dihias pula dengan rakyat berbilang kaum dan yang mempunyai berbagai budaya. Masyarakat kita telah dipadukan oleh satu bendera dan satu bahasa yang didukung dalam demokerasi yang stabil dan bermutu tinggi.

Semua ini tidak pula bermakna yang kita tidak menghadapi masaalah-masaalah sosial dan keselamatan. Sesungguhnya tidak ada negara di dunia ini yang tidak mempunyai masaalah. Tetapi masaalah-masaalah ini adalah kecil jika dibandingkan dengan nikmat yang dapat kita kecap di sini. Kita mesti mempunyai keazaman untuk menghadapinya sebagai cabaran-cabaran yang boleh dan yang akan diatasi dengan izin Allah. Bersatu dan dengan azam yang kuat dan usaha yang lebih lagi, kita akan berjaya mengatasi apa-apa masaalah dan rintangan yang datang mencabar. Dengan demikian negara yang kita bina bersama ini, akan menjadi lebih aman, makmur dan selamat untuk memberi kebahagiaan hidup kepada seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*).

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Pembangunan, 1977 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 66 (3) perbahasan atas Usul-usul bagi bacaan kali yang kedua, Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada dua hari. Oleh itu perbahasan akan dimulakan pada hari Isnin, 1hb November, 1976.

Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diminta waktu membahaskan Usul-usul ini menghadkan perbahasan kepada dasar am dan pentadbiran Kerajaan berhubung dengan Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan.

Dewan sekarang ditangguhkan sehingga hari Isnin, 1hb November, 1976 pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.10 petang.

LAMPIRAN A

COMPARISON OF EXISTING AND NEW IMPORT DUTY RATES

Heading No.	Description	Unit of Quantity	Present Rate	New Rate
22.03	Beer made from malt			
100	Beer and ale	Gallon	\$ 9.40	\$10.80
200	Stout and porter	Gallon	\$ 9.40	\$10.80
22.04	000 Grape must, in fermentation arrested or otherwise than by the addition of alcohol	Gallon	\$85.80	\$98.60
22.05	Wine of fresh grapes: grape must with fermentation arrested by the addition of alcohol— Still Wine:			
101	not exceeding 26° proof spirit	Gallon	\$16.50	\$19.00
102	exceeding 26° but not exceeding 42° proof spirit	Gallon	\$26.40	\$30.40
103	exceeding 42° proof spirit	Gallon	\$85.80	\$98.60
	Sparkling Wines:			
301	not exceeding 42° proof spirit	Gallon	\$52.80	\$60.70
302	exceeding 42° proof spirit	Gallon	\$85.80	\$98.60
22.06	Vermouths, and other wines of fresh grapes flavoured with aromatic extracts:			
101	Not exceeding 26° proof spirit	Gallon	\$16.50	\$19.00
102	Exceeding 26° but not exceeding 42° proof spirit	Gallon	\$26.40	\$30.40
103	Exceeding 42° proof spirit	Gallon	\$85.80	\$98.60
	Other fermented beverages (for example, cider, perry and mead):			
22.07	100 Cider and perry	Gallon	\$ 8.36	\$ 9.60
	110 Sake (rice wine)	Gallon	\$52.80	\$80.70
	120 Mead	Gallon	\$85.80	\$98.60
	130 Wines obtained by the fermentation of fruits (except fresh grape juices and of vegetable juices)	Gallon	\$85.80	\$98.60
	900 Other	Gallon	\$85.80	\$98.60
22.08	Ethyl alcohol neutral spirits, undenatured, of a strength of 140° proof or higher, denatured spirits of any strength:			
100	Ethyl alcohol, undenatured of a strength of 140° proof or higher	Gallon	\$52.50	\$60.30
300	Ethyl alcohol, denatured to the satisfaction of Director-General of Customs	Gallon	\$ 2.00	\$ 2.30
22.09	Spirits (other than those of Heading No. 22.08):			
	Brandy:			
101	in bottle, not exceeding 81° proof spirit	Gallon	\$72.60	\$83.50
102	other	Gallon	\$85.80	\$98.60
	Gin:			
103	in bottle, not exceeding 81° proof spirit	Gallon	\$59.40	\$68.30
104	other	Gallon	\$72.60	\$83.50
	Rum:			
105	in bottle, not exceeding 81° proof spirit	Gallon	\$59.40	\$68.30
106	other	Gallon	\$72.60	\$83.50
	Whisky:			
107	in bottle, not exceeding 81° proof spirit	Gallon	\$72.60	\$83.50
108	other	Gallon	\$85.80	\$98.60
109	Liqueurs, bitters and similar beverages, not exceeding 100° proof spirit	Gallon	\$72.60	\$83.50
110	Samsoo	Gallon	\$52.80	\$60.70
111	Arracks and pineapple spirit	Gallon	\$52.80	\$60.70
199	other spirituous	Gallon	\$85.80	\$98.60

Heading No.	Description	Unit of Quantity	Present Rate	New Rate
24.01	000 Unmanufactured tobacco: tobacco refuse	Lb.	\$11.20	\$12.30
24.02	Manufactured tobacco:			
	100 Cigars and Cheroots	Lb.	\$20.00	\$22.00
	150 Cigarettes	Lb.	\$15.00	\$16.50
	151 Beedies	Lb.	\$ 6.50	\$ 7.15
	250 Snuff	Lb.	\$16.00	\$17.60
	Other manufactured tobacco:			
	packed for retail sale			
	301 in air-tight container	Lb.	\$10.00	\$11.00
	302 other	Lb.	\$10.00	\$11.00
	303 Other: provided that, at the time of import, it is shown to the satisfaction of Director-General of Customs that it is not intended for use in the manufacture of cigarettes by power driven mechanical means.	Lb.	\$ 3.50	\$ 3.90
	304 Other	Lb.	\$ 9.80	\$10.80
	900 Other	Lb.	\$10.00	\$11.00

LAMPIRAN B

COMPARISON OF EXISTING AND NEW EXCISE DUTY RATES

Item Code	Description	Unit of Quantity	Existing Rate	New Rate
A1	Beer and Ale	Gallon	\$4.80	\$5.20
A2	Stout and porter	Gallon	\$4.80	\$5.20
A4	Other intoxicating liquor	Gallon	\$30	\$33
B1	Cigarettes including paper and filter tips	Lb.	\$1.50	\$1.65
D3	Monosodium glutamate and other salts or derivatives of glutamic acid and preparation thereof	Lb.	50 cts	55 cts
D27	Foam rubber not made up into manufactured articles	Lb.	15 cts	20 cts
D28	Motor car tyres, outer covers and tubeless tyres, pneumatic, new	Lb.	10 cts per lb. subject to a minimum of \$2 and maximum of \$10	10 cts per lb. subject to a minimum of \$2.20 and maximum of \$11
D30	Motor cycle tyres, outer covers and tubeless tyres, pneumatic, new	Lb.	10 cts per lb. or 50 cts each whichever is the higher	10 cts per lb. or 55 cts whichever is the higher
D31	Motor scooter tyres, outer covers and tubeless tyres pneumatic, new	Lb.	10 cts per lb. or 50 cts each whichever is the higher	10 cts per lb. or 55 cts each whichever is the higher
D34	Mattresses, foam rubber	Lb.	15 cents	20 cents
D35	Cushions, pouffes and pillows, foam rubber	Lb.	15 cents	20 cents
D42	Electric filament lamps and electric discharge lamps (including infra-red and ultra-violet lamps); arch lamps, electrically ignited photographic flashbulbs. Electric filament lamps for use in decorative illumination of a capacity of:			
	(i) not over 60 watts	No.	5 cts	10 cts
	(ii) over 60 watts but not more than 200 watts	No.	5 cts	10 cts
	For use in domestic lighting of a capacity of:			
	(i) not over 60 watts	No.	5 cts	10 cts
	(ii) over 60 but not more than 200 watts	No.	5 cts	10 cts

<i>Item Code</i>	<i>Description</i>	<i>Unit of Quantity</i>	<i>Existing Rate</i>	<i>New Rate</i>
D47	(Sila lihat Lampiran B1)			
D53	Refrigerators and refrigerating equipment (electrical and other)			
	Non-domestic	No.	10% or \$30 per unit whichever is the higher	10% or \$50 per unit whichever is the higher
	Domestic	No.	10% or \$30 per unit whichever is the higher	10% or \$50 per unit whichever is the higher
D54	Electro-mechanical fans with self-contained electric motor:			
	(i) ceiling	—	10% or \$5 whichever is the higher	10% or \$6 whichever is the higher
	(ii) table of a blade diameter not exceeding 8 inches	—	10% or \$1.50 whichever is the higher	10% or \$2 whichever is the higher
	(iii) table of a blade diameter exceeding 8 inches	—	10% or \$5 whichever is the higher	10% or \$6 whichever is the higher
	(iv) Pedestal and wall bracket ..	—	10% or \$5 whichever is the higher	10% or \$6 whichever is the higher
	(v) Other	—	10% or \$5 whichever is the higher	10% or \$6 whichever is the higher
D55	Electric kettles	No.	\$1 each	\$1.50 each
D56	Television broadcast receivers mains or battery operated:			
	(i) television only	—	10% or \$50 per unit whichever is the higher	10% or \$60 per unit whichever is the higher
	(ii) television with radio, or gramophone combined	—	10% or \$50 each whichever is the higher	10% or \$60 each whichever is the higher
D62	Electric rice cookers	—	10% or \$4 each whichever is the higher	10% or \$4.50 each whichever is the higher
D63	Electric ovens, domestic	—	10% or \$2.50 each whichever is the higher	10% or \$3 each whichever is the higher

LAMPIRAN B1

EXCISE DUTIES ON MOTOR VEHICLES

Item D47

	<i>Present Rates</i>		<i>New Rates</i>
D47: Motor Vehicles for the transport of persons (including dual purpose vehicles)	(i) When the value does not exceed \$7,000 per unit	25%	(i) When the value does not exceed \$7,000 per unit 25%
	(ii) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$7,000 but not more than \$10,000	30%	(ii) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$7,000 but not exceeding \$10,000 30%
	(iii) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$10,000 but not more than \$13,000	35%	(iii) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$10,000 but not exceeding \$13,000 35%
	(iv) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$13,000 but not more than \$16,000	40%	(iv) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$13,000 but not exceeding \$20,000 45%
	(v) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$16,000 but not more than \$20,000	45%	(v) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$20,000 but not exceeding \$25,000 55%
	(vi) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$20,000 but not more than \$25,000	50%	(vi) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$25,000 60%
	(vii) Plus on every dollar or part thereof exceeding \$25,000	55%	